

## **Banteras dadah di peringkat awal diperhebat**

February 29, 2016, Monday



Zahid

**Pihak tidak bertanggungjawab tarik kanak-kanak dekati dadah dengan beri gula-gula berperisa dadah**

Oleh Mastura Ismail //

LAWAS: Kementerian Pendidikan Malaysia diarah memperhebat usaha pemberantasan dadah di peringkat sekolah rendah lagi memandangkan terdapat kanak-kanak seawal usia tujuh tahun terjebak dengan masalah dadah.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata terdapat usaha pihak tidak bertanggungjawab menarik kanak-kanak mendekati dadah dengan taktik memberi gula-gula berperisa dadah di sekolah.

Justeru tegasnya agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), PEMADAM dan pihak sekolah harus bertindak segera bagi membendung masalah dadah di peringkat awal lagi.

“Pemberantasan aktiviti penyalahgunaan dadah di peringkat sekolah rendah lagi akan dijadikan Indeks Prestasi Utama (KPI) KPM agar mengambil serius masalah tersebut selain penganjuran kempen kesedaran oleh agensi berkaitan,” katanya pada sambutan Hari Antidadah Kebangsaan 2016 di sini, semalam.

Turut hadir wakil Ketua Menteri Sarawak yang juga Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Kedua Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan.

Hadir sama ialah Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid, Timbalan Menteri Dalam Negeri Masir Kujat, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Seri Alwi Ibrahim dan Ketua Pengarah AADK Datuk Suhaimi Abdullah, Pengarah Urusan Harian Metro Datuk Mustapa Omar, Ahli Parlimen Lawas Datuk Henry Sum Agong, Ahli Parlimen Limbang Hasbi Habibollah, Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) Bukit Kota Dr Abdul Rahman Ismail, ADUN Batu Danau Paulus Palu Gumbang dan kenamaan lain.

Zahid mendedah bahawa berdasarkan rekod AADK, penagih dadah termuda 2014 berumur 13 tahun manakala penagih dadah termuda pada tahun lepas membabitkan kanak-kanak berusia tujuh tahun.

Jelas beliau lagi, AADK juga mengenal pasti 178 kawasan berisiko tinggi di seluruh negara dan di kawasan terbabit, AADK melakukan program berfokus melalui pendekatan bersepada merangkumi pengkuatkuasaan, rawatan, pemulihan serta pencegahan.

Beliau turut memberitahu bahawa seramai 26,668 penagih dikesan sepanjang tahun lepas dan daripada jumlah itu, 76.1 peratus merupakan penagih baharu manakala 23.9 peratus penagih berulang.

Jelasnya lagi 73.4 peratus daripadanya merupakan golongan berumur 18 hingga 39 tahun.

“Golongan umur ini merupakan tenaga muda dan belia yang sepatutnya menjadi pemangkin pembangunan dan penyumbang kemajuan negara yang dipersiakan akibat penyalahgunaan dadah,” dedahnya.

Sementara itu Zahid berkata kerajaan mengisytiharkan tahun 2016 sebagai tahun memerangi jenayah dadah secara besar-besaran.

“Aktiviti pembanterasan dan pemulihan dadah yang merupakan musuh nombor satu negara perlu melibatkan media sosial kerana ia merupakan medium berkesan menangani gejala dadah secara holistik.

“Media sosial perlu bersama-sama dengan AADK, PEMADAM dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain untuk menyelamatkan negara menerusi kempen antidadah di seluruh Malaysia,” katanya.

Terdahulu Awang Tengah berkata dadah merupakan musuh nombor satu negara yang boleh merosakkan dan menimbulkan masalah jenayah, perjudian, merosakkan rumah tangga, menimbulkan penyakit sosial lain serta menjejaskan ketenteraman dalam masyarakat.

“Kerajaan memperkenalkan pelbagai akta yang digubal dan hukuman mati mandatori dikenakan. Penguatkuasaan undang-undang perlu diperhebat bukan sahaja oleh PDRM, AADK malah agensi penguatkuasaan secara bersepada.

“Selain itu kempen kesedaran tentang bahaya dadah perlu dipromosi melibatkan penglibatan masyarakat, NGO, sekola dan institusi keluarga,” katanya.

Beliau turut memberitahu, seramai 705 penagih dadah direkodkan AADK di negeri ini pada tahun lepas.

“Jangan kita selesa, walaupun keadaan terkawal, sama-sama bertindak membanteras gejala ini,” jelasnya.

Pada program itu Awang Tengah turut mengutarakan permohonan bagi projek mega di Lawas membabitkan bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lawas baharu, menaik taraf balai polis di sempadan Merapok, Sundar dan Ba’ Kelalan serta penubuhan Pusat Tranformasi Luar Bandar, lapangan terbang baharu, menaik taraf bangunan tamu, pembinaan Maktab Rendah Sains MARA di Lawas selain menubuhkan cawangan AADK di setiap daerah.